

**PKNP TANDATANGAN PERJANJIAN PAJAKAN TANAH BERSAMA  
WORLD GLOVES INTERNATIONAL GROUP CITY & HUB DEVELOPMENT  
SDN BHD (WGC)**

KUANTAN, 6 April 2021 - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menandatangani perjanjian pajakan tanah dengan World Gloves International Group City & Hub Development Sdn Bhd (WGC) untuk membangunkan hub pembangunan sarung tangan getah dan produk PPE di Gebeng, Kuantan.

Hub pembangunan sarung tangan getah dan produk PPE ini melibatkan pelaburan berjumlah RM100 juta di atas kawasan seluas 317 ekar di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan. Pembinaan bagi Fasa 1 dijangka bermula pada Jun 2021 dan dijadualkan siap pada Disember 2021.

Pembuatan sarung tangan getah dan produk PPE ini mensasarkan pasaran Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Tenggara. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar mewakili PKNP untuk menandatangani perjanjian ini manakala WGC pula akan diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif World Gloves International Group City & Hub Development Sdn Bhd, Dato' Gianluca Ernesti.

Menurut Encik Mohd Faizal, pelaburan terbaharu di Kawasan Perindustrian Gebeng ini akan membawa limpahan ekonomi kepada kawasan setempat dan kawasan sekitarnya. Peluang-peluang pekerjaan dijangka akan meningkat dan dapat menampung kekurangan peluang pekerjaan sedia ada pada ketika ini.

Turut hadir adalah YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak, Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar dan Ahli Perbadanan PKNP yang lain.

**Disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP**

**#PerbadananKemajuanNegeriPahang**  
**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**

Oleh : Mohd Fahmi bin Abdul Ghani  
Foto : Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman



Majlis Menandatangani Perjanjian Pajak Tanah turut disaksikan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar saling bertukar perjanjian bersama Ketua Pegawai Eksekutif WGC, Dato' Gianluca Ernesti.